

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2025

---

### Indeks Volum Perkhidmatan berkembang 5.2 peratus pada suku pertama 2025

**PUTRAJAYA, 13 MEI 2025** – Indeks Volum Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.2 peratus tahun ke tahun pada suku tahun pertama 2025, mencapai 158.3 mata. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Pertama 2025**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan lain.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Prestasi Indeks Volum Perkhidmatan bagi suku tahun ini dipacu oleh pertumbuhan segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan dengan peningkatan sebanyak 4.7 peratus, diikuti oleh segmen Perkhidmatan perniagaan dan

kewangan (5.3%), segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (5.9%) dan segmen Perkhidmatan lain (6.2%)."

Mengulas mengenai Indeks volum bagi Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan, segmen ini mencatat peningkatan sebanyak 4.7 peratus kepada 157.2 mata, didorong oleh pertumbuhan dalam Perdagangan borong & runcit (4.3%), Makanan & minuman (5.0%) dan Penginapan (13.3%). Mengulas lanjut mengenai perdagangan borong & runcit, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa peningkatan tersebut disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong yang meningkat sebanyak 5.4 peratus kepada 146.1 mata. Ini diikuti oleh Perdagangan runcit yang meningkat 5.2 peratus, manakala subsektor Kenderaan bermotor mencatat penurunan sebanyak 3.6 peratus.

Sementara itu, segmen Perkhidmatan perniagaan & kewangan mencatatkan indeks volum 152.5 mata dengan pertumbuhan 5.3 peratus. Peningkatan ini didorong oleh Kewangan & insurans (2.7%), diikuti oleh Profesional dan Pentadbiran & khidmat sokongan (7.5%), dan Hartanah (11.7%). Prestasi subsektor Hartanah kekal kukuh, didorong oleh aktiviti pembangunan kediaman dan bukan kediaman.

Pada masa yang sama, segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan meningkat 5.9 peratus untuk mencatatkan 174.6 mata. Peningkatan ini disumbangkan oleh Maklumat & komunikasi (3.5%) dan Pengangkutan & penyimpanan (9.5%). Transformasi digital yang rancak telah mendorong peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan telekomunikasi, khususnya bagi rangkaian mudah alih dan sambungan jalur lebar. Selain itu, industri pengkomputeran turut menunjukkan pertumbuhan, dipacu oleh peningkatan penggunaan pengkomputeran awan serta keperluan terhadap perkhidmatan sokongan teknologi maklumat. Dalam masa yang sama, pertumbuhan pesat e-dagang telah memberi kesan ketara terhadap perkhidmatan Pos & Kurier, dengan peningkatan jumlah penghantaran bungkusan yang seterusnya merangsang permintaan terhadap kemudahan penyimpanan dan infrastruktur pengangkutan yang lebih efisien.

Seterusnya segmen Perkhidmatan lain meningkat 6.2 peratus untuk merekodkan 132.8 mata, didorong oleh peningkatan dalam Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti (6.1%), Pendidikan swasta (4.9%) dan Kesihatan swasta (7.4%). Subsektor Kesihatan swasta terus mencatat permintaan yang stabil, dengan pertumbuhan dalam perkhidmatan perubatan swasta dan penawaran kesihatan, sekali gus menyokong prestasi keseluruhan segmen ini.

Bagi perbandingan suku tahunan pula, indeks volum Perkhidmatan meningkat sebanyak 0.5 peratus pada suku pertama 2025. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah bahawa pertumbuhan ini disokong oleh peningkatan dalam segmen Perkhidmatan perniagaan & kewangan (1.8%) dan Maklumat & komunikasi dan pengangkutan & penyimpanan (0.4%). Namun begitu, segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan dan Perkhidmatan lain mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak 0.2 dan 0.1 peratus.


Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa Indeks Volum pelarasan musim meningkat sebanyak 0.4 peratus berbanding suku keempat 2024. Peningkatan ini disumbangkan oleh segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan (1.5%), diikuti oleh segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (0.2%), serta segmen Perkhidmatan lain (0.2%). Namun begitu, segmen Perkhidmatan perniagaan & kewangan mencatatkan penurunan sebanyak 1.0 peratus dalam tempoh yang sama.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkuuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

**Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun**



**Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Suku Tahun ke Suku Tahun**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
13 MEI 2025**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA FIRST QUARTER 2025

---

***Volume Index of Services expands by 5.2 per cent in first quarter of 2025***

**PUTRAJAYA, 13 MAY 2025** – Volume index of Services recorded 5.2 per cent year-on-year growth in first quarter 2025, reaching 158.3 points. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **Volume Index of Services (2015=100), First Quarter 2025**. This publication consists of four segments namely Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment; Business services and Finance segment; Information & communication and Transportation & storage segment; and Other services segment.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, “The performance of Volume Index of Services for this quarter was primarily driven by the Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment with a 4.7 per cent increase, followed by Business services and Finance segment (5.3%), Information & communication and Transportation & storage segment (5.9%), and Other services segment (6.2%).”

*Commenting on the volume index for Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation, this segment experienced a 4.7 per cent increase to reach 157.2 points, contributed by the growth in Wholesale & retail trade (4.3%), Food & beverage (5.0%) and Accommodation (13.3%). Elaborating further on wholesale & retail trade, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin pointed out that the increase was attributed to Wholesale trade sub-sector which grew 5.4 per cent to 146.1 points. This was followed by Retail trade which increased 5.2 per cent, while Motor vehicles saw a decline of 3.6 per cent.*

*Meanwhile, Business services and Finance segment registered a volume index of 152.5 points with a growth of 5.3 per cent. This increase was supported by the growth in Finance & insurance (2.7%), Professional and Administrative & support services (7.5%) and Real Estate (11.7%). The performance of the Real Estate subsector remained strong, driven by significant activity in both residential and non-residential developments.*

*In the same period, Information & communication and Transportation & storage segment rose 5.9 per cent to stand at 174.6 points. This growth was attributed by Information & communication (3.5%) and Transportation & storage (9.5%). The ongoing digital transformation has led to growing demand for telecommunications services, particularly in mobile networks and broadband connectivity. At the same time, the computing industry has expanded, driven by the increasing adoption of cloud computing and the need for IT support services. In parallel, the rapid growth of e-commerce has significantly impacted the Post & Courier services, resulting in higher volumes of parcel deliveries and driving the demand for improved storage facilities and transportation services.*

*Additionally, Other services segment grew 6.2 per cent to record 132.8 points, driven by increases in Arts, entertainment & recreation and Personal services & other activities (6.1%), Private education (4.9%) and Private health (7.4%). The Private Health subsector continued to record steady demand, with growth in private medical services and wellness offerings, further supporting the overall performance of this segment.*

*For quarter-on-quarter comparison, volume index of Services went up 0.5 per cent in the first quarter 2025. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added that this growth was supported by the increase in Business services & Finance (1.8%) and the Information & communication and Transportation & storage segment (0.4%). However, Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation and Other services segment recorded a decline of 0.2 and 0.1 per cent, respectively.*


*The Chief Statistician of Malaysia also informed that the seasonally adjusted Volume Index increased by 0.4 per cent compared to the fourth quarter of 2024. This increase was driven by growth in the Wholesale & retail trade, Food & beverage, and Accommodation segment (1.5%), followed by Information & communication and Transportation & storage (0.2%), as well as the Other services segment (0.2%). However, the Business services & finance segment recorded a decline of 1.0 per cent during this period.*

*ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.*


*The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life.' Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.*

*OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

**Chart 1: Volume Index of Services and Year-on-Year Percentage Change**



**Chart 2: Volume Index of Services and Quarter-on-Quarter Percentage Change**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
13 MAY 2025**